

ABSTRAK

Kajian Ilmiah ini memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program pembangunan akhlak: peranan Bahagian Kanak-Kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat, Kajian di Daerah Setiu. Melalui kajian ini, pengkaji mengenalpasti peranan-peranan yang dimainkan, bentuk program pembangunan akhlak yang dijalankan berserta masalah yang dihadapi olehnya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Dalam mengumpulkan data, kajian ini telah menggunakan metode kajian perpustakaan, dokumentasi dan metode kajian lapangan yang meliputi temu bual. Manakala dalam analisis data, pengkaji menggunakan metode induktif. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat peranan yang penting yang dimainkan oleh Bahagian Kanak-Kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat ini bagi memastikan akhlak masyarakat di Setiu terjaga. Selain itu, terdapat pelbagai bentuk program telah dijalankan dan disertai yang berbentuk kemasyarakatan, keagamaan, kekuatan fizikal dan mental, kaunseling dan kemahiran. Begitu juga wujudnya beberapa masalah dalam pelaksanaan program sama ada daripada aspek pengurusan, peserta dan ibu bapa. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan dan saranan dalam usaha penambahbaikan pelaksanaan program pembangunan akhlak yang akan diadakan. Justeru, diharapkan usaha PKMD Setiu untuk melahirkan insan yang berkualiti dan berakhlak mulia akan dapat dicapai.